

Perak mahu dalamkan Empangan Bukit Merah

BAGAN SERAI – Kerajaan Persekutuan diminta menyegerakan tindakan mendalamkan Empangan Bukit Merah yang semakin cetek akibat mendapan agak serius, kata Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.

Beliau berkata, ini kerana kawasan takungan air di empangan itu semakin meningkat berikutan taburan hujan yang banyak sejak tahun lepas.

“Takungan air di Empangan Bukit Merah semakin meningkat me-

nyebabkan air terpaksa dilepaskan kerana kalau tidak, ia akan membahayakan keadaan kolam takungan di Empangan Bukit Merah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Bukit Merah malam semalam.

Dalam pada itu, Zambry menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran melihat semula keseluruhan pelan Projek Rancangan Tebatan Banjir

(RTB) di daerah Kerian sama ada ia benar-benar dapat mengatasi masalah banjir.

“Kerajaan Persekutuan memperuntuk hampir RM400 juta untuk projek RTB yang bertujuan mengatasi masalah banjir di daerah ini.

“Sekiranya peruntukan sebesar itu diberikan tetapi masalah banjir masih berlaku, rakyat akan bertanya semula kepada kita ke mana perginya wang itu kerana banjir masih berlaku,” ujarnya. – Bernama